

11/04/2000

BAE Systems labur RM500j di Malaysia

GERGASI pertahanan Eropah, BAE Systems mengumumkan pelaburan RM500 juta dalam bidang perkongsian pintar dengan syarikat pertahanan dan aeroangkasa Malaysia, untuk tempoh lima tahun akan datang.

Naib Presiden BAE Systems bagi Malaysia, Robert Kemp, berkata pelaburan baru itu adalah tambahan kepada jumlah asal RM1.6 bilion yang dijanjikan oleh BAE Systems kepada program berkenaan, yang membabitkan 18 syarikat pertahanan dan aeroangkasa Malaysia.

"BAE sudah berada di Malaysia lebih 30 tahun. Ini membuktikan bahawa kami bukan hanya kawan pada waktu senang saja. Kami sentiasa komited kepada rakan-rakan di rantau Asia Pasifik, pada masa senang dan juga susah.

"Prinsip itu membolehkan BAE memperkukuhkan hubungan perdagangan dua hala di antara United Kingdom (UK) dan negara di rantau ini," katanya ketika meninjau persiapan syarikat itu menghadapi Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia 2000 (DSA2000) di sini, hari ini.

BAE Systems adalah syarikat gabungan British Aerospace Plc (BAe) dan Marconi Group yang menyaksikan pelancaran globalnya di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1997 (Lima 97) lalu.

Kemp berkata, BAE Systems berbangga apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan syarikat itu sebagai `menyamai syarikat Malaysia ketika beliau secara rasmi melancarkan identiti barunya di Lima 97.

Tegas beliau, untuk membantu Malaysia membina industri pengeluaran aeroangkasa dan pertahanannya sendiri, BAE Systems menyediakan pelaburan besar menerusi usahasama dan kerjasama teknikal dengan syarikat tempatan, untuk memastikan perpindahan teknologi mencukupi.

"Memandangkan Kerajaan Malaysia amat menggalakkan perkembangan pesat industri pertahanan tempatan, kami yakin negara ini akan mencapai cita-citanya untuk menjadi pusat bekalan peralatan pertahanan utama serantau," katanya.

DSA2000 yang juga edisi ketujuhnya, akan bermula esok dengan perasmianya oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

(END)